

6,000 bekas ahli Akar berpeluang sertai UMNO

UM 2 2 MAY 2001

KOTA KINABALU 21 Mei — Kira-kira 6,000 orang bekas ahli Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) keturunan Cina berpeluang untuk menjadi ahli UMNO di Sabah dengan pembubaran parti itu semalam.

Bekas Presiden Akar, Datuk Pandikar Amin Mulia berkata, bagaimanapun kaum Cina itu bebas untuk membuat pilihan atau mereka boleh mengisi borang memohon menjadi ahli UMNO di cawangan parti tempat mereka berada.

Pandikar Amin berkata, peluang menyertai UMNO itu adalah berikutan kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Kota Kinabalu semalam ketika melakukan perasmian pembubaran Akar yang memberi kelonggaran kepada bumiputera bukan Islam dan Cina Sabah untuk menyertai UMNO.

Membubarkan

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi merasmikan persidangan pelajar Universiti-Universiti ASEAN 2001 di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini hari ini.

Pandikar Amin berkata, keputusan beliau membubarkan Akar semalam dicapai menerusi kongres khas Akar yang diadakan sehari sebelum pembubarannya.

“Bagi saya pembubaran Akar dan menyertai UMNO adalah atas kesedaran demi perpaduan dan mengukuhkan kerajaan,” tegasnya.

Pada 16 September 1989 Pendaftar Pertubuhan telah meluluskan pendaftaran Akar yang terus berkembang dengan keanggotaan berdaftar melebihi 30,000 orang daripada segenap lapisan kaum dan anutan agama.